DAYA KETAHANAN PELAJAR INDIA B40 PASCA KECICIRAN: SATU KAJIAN KES DI DAERAH SHAH ALAM

The Resilience of B40 Indian Students Post-Dropout: A Case Study in the Shah Alam District

Sopna N Anpazagan
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

Corresponding author: sopna@ipgkik.edu.my

Received: 25/3/2026 Revised: 26/6/2026 Accepted: 30/6/2026 Published: 10/10/2026

DOI: https://doi.org/10.61374/temp06.26

ABSTRAK

Isu keciciran pelajar merupakan cabaran utama dalam sistem pendidikan Malaysia, khususnya dalam kalangan pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah. Kajian ini bertujuan meneroka faktor yang mempengaruhi daya ketahanan pelajar India daripada golongan B40 yang pernah tercicir daripada pendidikan tetapi kemudiannya menyambung semula persekolahan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang melibatkan enam orang responden berumur antara 16 hingga 22 tahun di daerah Shah Alam. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur bersama pelajar serta individu yang memberi sokongan seperti ahli keluarga dan rakan. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama berkaitan faktor yang mempengaruhi daya ketahanan pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa sokongan keluarga merupakan faktor paling dominan yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk kembali ke sekolah melalui kedalaman naratif dan kekerapan kod tertinggi. Kajian ini mencadangkan beberapa intervensi pendidikan bagi membantu pelajar berisiko keciciran, termasuk program sokongan motivasi, kerjasama sekolah dan komuniti, serta program pencegahan keciciran. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pembuat dasar dan institusi pendidikan merangka strategi yang lebih berkesan untuk mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan pelajar B40.

Kata Kunci: Daya ketahanan, pasca keciciran, pelajar India B40.

ABSTRACT

Student dropout remains a major challenge in the Malaysian education system, particularly among students from low socioeconomic backgrounds. This study aims to explore the factors influencing resilience among Indian students from the B40 socioeconomic group who previously dropped out of school but later resumed their education. A qualitative approach with a case study design was employed, involving six respondents aged between 16 and 22 in the Shah Alam district. Data were collected through semi-structured interviews with students as well as supporting individuals such as family members and peers. Thematic analysis was used to identify key themes related to factors influencing student resilience. The findings reveal that family support emerges as the most dominant factor via high code frequencies and rich narratives. The study proposes several educational interventions to support students at risk of dropping out, including motivational support programs, collaboration between schools and communities, and preventive initiatives. The findings are expected to assist policymakers and educational institutions in developing effective strategies to reduce dropout rates among B40 students.

***Keywords**: Resilience, post-dropout, B40 Indian students.*

PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas penting dalam pembangunan individu dan negara. Melalui pendidikan, seseorang individu berpeluang meningkatkan mobiliti sosial, memperbaiki taraf hidup serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat secara menyeluruh. Dalam konteks pembangunan negara, pendidikan sering dilihat sebagai instrumen utama bagi membina modal insan yang berkualiti dan berdaya saing. Abdullah Tang dan Ahmad (2020) menegaskan bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara kerana ia membentuk masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran serta mampu menghadapi cabaran global.

Berdasarkan data rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kadar keciciran di peringkat sekolah menengah kekal menjadi perhatian dengan peratusan keciciran yang lebih ketara dalam kalangan komuniti rentan. Data sosioekonomi menunjukkan bahawa sebahagian besar keciciran ini tertumpu pada isi rumah kategori B40, iaitu kumpulan berpendapatan 40% terendah di Malaysia yang menguruskan kos sara hidup tinggi di kawasan bandar (KPM, 2023). Fenomena ini bukan sahaja berlaku di negara membangun malah turut memberi kesan kepada negara maju. Kajian menunjukkan bahawa faktor seperti kesukaran ekonomi, tekanan sosial serta persekitaran keluarga memainkan peranan penting dalam meningkatkan risiko keciciran pelajar (Valenzuela-Moss,2024; Phillips-Berenstein, 2023; Hackney, 2023; Călugăr, 2023). Bagi komuniti India di kawasan bandar seperti Shah Alam, cabaran ini berganda ekoran peralihan sosioekonomi, stigma persekitaran, dan kekangan akses kepada peluang pendidikan formal yang inklusif. Perubahan global seperti pandemik COVID-19 turut memberi kesan besar kepada sistem pendidikan dan meningkatkan risiko keciciran dalam kalangan pelajar (Azila-Gbettor et al., 2023). Manakala, Burger (2024) dan Bayley et al. (2023) menyatakan bahawa gangguan kepada proses pembelajaran akibat krisis global telah menyebabkan ramai pelajar kehilangan motivasi untuk meneruskan pendidikan.

Bagi menjelaskan batasan kajian ini, beberapa definisi operasional ditetapkan. Istilah "pasca keciciran" merujuk kepada fasa kehidupan di mana seorang pelajar yang telah meninggalkan sistem sekolah formal selama sekurang-kurangnya enam bulan memilih untuk membina semula trajektori akademiknya. "Kembali menyambung pendidikan" ditakrifkan sebagai tindakan mendaftar semula ke institusi pendidikan sama ada di sekolah arus perdana, kelas alternatif, mahupun pusat latihan vokasional selepas tempoh pemberhentian tersebut. Manakala kategori "B40" merujuk secara khusus kepada klasifikasi pendapatan bulanan di bawah RM4,850 mengikut klasifikasi rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Golongan ini sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kemiskinan, tekanan keluarga, kekurangan sumber pendidikan serta tanggungjawab membantu keluarga dari segi kewangan. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pelajar terpaksa meninggalkan sekolah lebih awal bagi membantu keluarga. Pemilihan komuniti India B40 di daerah Shah Alam sebagai fokus utama kajian adalah berasaskan justifikasi khusus di mana kawasan bandar Shah Alam yang pesat membangun mewujudkan jurang marginalisasi bandar yang ketara, menyumbang kepada cabaran penyesuaian psikososial yang tinggi bagi etnik minoriti ini.

Namun begitu, terdapat juga individu yang berada dalam fasa pasca keciciran, iaitu situasi di mana seseorang individu yang telah sah keluar atau berhenti daripada sistem persekolahan arus perdana selama sekurang-kurangnya 6 bulan, didapati memilih untuk kembali menyambung pendidikan sama ada menerusi institusi swasta, pusat latihan vokasional, atau kelas persediaan peperiksaan semula. Fenomena ini menunjukkan bahawa terdapat faktor tertentu yang mendorong pelajar untuk kembali ke sistem pendidikan walaupun pernah meninggalkannya. Antara faktor yang sering dikaitkan dengan situasi ini ialah daya ketahanan diri atau *resilience*.

Daya ketahanan merujuk kepada keupayaan individu untuk menghadapi cabaran, menyesuaikan diri dengan kesukaran serta bangkit semula selepas mengalami kegagalan atau tekanan hidup. Jeong (2023) serta Gómez (2023) menjelaskan bahawa daya ketahanan memainkan peranan penting dalam membantu pelajar mengatasi cabaran akademik dan sosial yang boleh menjejaskan kesinambungan pendidikan mereka. Individu yang mempunyai tahap daya tahan yang tinggi biasanya

lebih mampu menghadapi tekanan dan mencari jalan untuk memperbaiki kehidupan mereka melalui pendidikan.

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelajar India daripada golongan B40 yang pernah tercicir tetapi kembali menyambung pendidikan. Fokus utama kajian adalah untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi daya ketahanan mereka serta bagaimana pengalaman hidup membentuk keputusan untuk kembali ke sekolah. Dengan memahami pengalaman dan cabaran yang dilalui oleh golongan ini, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang strategi yang boleh digunakan untuk mengurangkan isu keciciran dalam kalangan pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Isu keciciran sekolah merupakan satu masalah pendidikan yang mempunyai implikasi besar terhadap pembangunan sosial dan ekonomi negara. Pelajar yang tercicir daripada sistem pendidikan berisiko menghadapi pelbagai kesukaran seperti peluang pekerjaan yang terhad, pendapatan rendah serta risiko terlibat dalam masalah sosial.

Di Malaysia, walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan akses pendidikan yang lebih menyeluruh, isu keciciran masih berlaku terutama dalam kalangan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Golongan B40 sering berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kemiskinan, tekanan keluarga, kekurangan sumber pendidikan serta keperluan untuk bekerja bagi membantu keluarga (Hashim et al., 2024).

Kajian menunjukkan bahawa faktor sosioekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan keciciran sekolah. Ernawati et al. (2023) menyatakan bahawa kemiskinan, perkahwinan awal serta tanggungjawab keluarga boleh meningkatkan risiko keciciran dalam kalangan remaja. Dalam konteks masyarakat India di Malaysia, isu sosioekonomi juga sering dikaitkan dengan cabaran pendidikan yang dihadapi oleh pelajar.

Selain faktor ekonomi, faktor psikologi dan sosial turut memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada seseorang pelajar akan kekal dalam sistem pendidikan atau tidak. Pedditzi (2023) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai tahap kecekapan kendiri dan sokongan sosial yang rendah lebih cenderung untuk meninggalkan sekolah lebih awal.

Namun demikian, tidak semua pelajar yang tercicir terus meninggalkan pendidikan sepenuhnya. Terdapat sebahagian individu yang memilih untuk kembali menyambung pendidikan selepas beberapa waktu. Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang faktor yang mendorong mereka untuk kembali ke sistem pendidikan walaupun pernah mengalami kegagalan atau kesukaran sebelum ini (Sharma & Tiwari 2023).

Kajian mengenai pelajar pasca keciciran masih terhad khususnya dalam konteks pelajar India golongan B40 di Malaysia. Kebanyakan kajian lebih memberi tumpuan kepada faktor yang menyebabkan keciciran tetapi kurang meneliti faktor yang mendorong pelajar untuk kembali menyambung pendidikan. Maka, kajian ini mengisi jurang empirikal (*empirical gap*) dengan membekalkan data terperinci pasca keciciran komuniti India bandar, serta jurang teoretikal (theoretical gap) dengan mengaplikasikan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner dan Teori Pilihan Rasional secara analitikal bagi meneliti proses pembuatan keputusan reintegrasi akademik.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka pengalaman pelajar India golongan B40 yang pernah tercicir tetapi kembali menyambung pendidikan. Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek daya ketahanan diri serta faktor sosial yang mempengaruhi keputusan mereka untuk kembali belajar.

KAJIAN LITERATUR

Isu keciciran sekolah merupakan satu fenomena kompleks yang berpunca daripada interaksi pelbagai faktor sosioekonomi, psikologi, dan budaya (Subra et al., 2019; Ghandi & Sivaperagasam, 2019). Secara global, Hackney (2023) menjelaskan bahawa keciciran sering berlaku apabila pelajar berdepan dengan tekanan akademik yang tinggi tanpa sokongan persekitaran yang mencukupi. Di Malaysia, komuniti India khususnya menghadapi cabaran unik di mana tekanan kewangan keluarga, kurangnya sokongan ibu bapa, dan stigma sosial menjadi penyumbang utama kepada kadar keciciran yang tinggi, sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (2017). Malah, faktor kesihatan mental seperti tekanan emosi, kebimbangan, dan kemurungan turut memainkan peranan kritikal dalam mengurangkan motivasi pelajar untuk kekal dalam sistem pendidikan (Labrague, 2023). Situasi ini diburukkan lagi oleh impak pandemik COVID-19 yang telah mengganggu proses pembelajaran dan menjejaskan penglibatan pelajar secara menyeluruh (Burger, 2024; Bayley et al., 2023).


Faktor sosioekonomi kekal sebagai pemacu utama risiko keciciran, terutamanya bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang menghadapi kekangan sumber dan peluang. Menurut Ernawati et al. (2023), kemiskinan sering memaksa pelajar meninggalkan bangku sekolah demi membantu kewangan keluarga atau bekerja pada usia muda. Selain itu, faktor luaran yang tidak menentu seperti bencana alam dan perubahan iklim turut dikesan mampu melumpuhkan infrastruktur pendidikan dan menjejaskan akses komuniti terhadap sekolah (Molla, 2024; Filho et al., 2023). Dalam memahami dinamika ini, Teori Pilihan Rasional dan Teori Ekologi Bronfenbrenner menyediakan kerangka yang kukuh untuk meneliti bagaimana interaksi antara individu dan persekitaran mempengaruhi keputusan sama ada untuk berhenti atau kembali bersekolah (Becker, 1993; Bronfenbrenner, 1979) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan 2.

Di tengah-tengah cabaran tersebut, konsep daya ketahanan muncul sebagai mekanisme pelindung yang membolehkan pelajar bangkit semula daripada kesukaran. Daya ketahanan ini bukan sekadar keupayaan individu, malah dipengaruhi secara signifikan oleh motivasi diri, kesedaran pendidikan, dan sokongan sistemik (Li, 2022; Ragusa et al., 2023). Pelajar yang memiliki tahap daya tahan yang tinggi didapati lebih mampu mengurus tekanan akademik, membina hubungan sosial yang positif, dan meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka (Jeong, 2023; Gómez, 2023). Tambahan pula, Kim (2023) menegaskan bahawa terdapat hubungan signifikan antara daya ketahanan dengan kematangan kerjaya, di mana pelajar yang kental lebih cenderung mempunyai perancangan masa depan yang jelas.

Institusi keluarga memegang peranan dwifungsi dalam menentukan hala tuju pendidikan pelajar. Walaupun tekanan ekonomi dan konflik dalam keluarga boleh menjadi punca utama keciciran, sokongan keluarga yang teguh tetap menjadi faktor pemulihan yang paling kritikal untuk membawa pelajar kembali ke landasan pendidikan (Arafat et al ., 2021). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada pembinaan kerangka konseptual yang meneliti dinamika daya ketahanan dalam kalangan pelajar India golongan B40 di Shah Alam. Fokus ini bertujuan untuk memahami bagaimana kekuatan dalaman dan sokongan luaran dapat disinergikan bagi membentuk strategi intervensi yang lebih berkesan dalam menangani isu keciciran.


Rajah 1

Teori Pilihan Rasional.



Rajah 2

Teori Ekologi Bronfenbrenner.



KERANGKA TEORETIKAL

Kajian ini dibina berasaskan landasan teoretikal yang kukuh dengan mengintegrasikan Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner (1979) dan Teori Pilihan Rasional (resiliensi) bagi memahami fenomena pelajar India golongan B40 yang menyambung semula pelajaran pasca keciciran. Pendekatan ini membolehkan penyelidik melihat interaksi antara faktor peribadi individu dengan persekitaran berlapis yang mempengaruhi keputusan serta kelestarian mereka dalam sistem pendidikan. Teori Ekologi Bronfenbrenner menekankan bahawa perkembangan manusia dipengaruhi oleh lima sistem persekitaran, bermula dari mikrosistem hingga kronosistem. Dalam konteks kajian ini, fokus utama diberikan kepada mikrosistem, iaitu persekitaran paling hampir dengan pelajar seperti keluarga dan rakan sebaya, serta mesosistem yang melibatkan interaksi antara komponen mikrosistem tersebut.


Daya ketahanan atau resiliensi pula berfungsi sebagai mekanisme pelindung yang membolehkan pelajar B40 ini bangkit semula daripada kesukaran hidup dan kegagalan akademik masa lalu. Kerangka ini menjelaskan bahawa apabila seseorang pelajar berhadapan dengan faktor risiko seperti kemiskinan tegar atau konflik keluarga kehadiran faktor pelindung (protective factors) adalah kritikal bagi membina daya tahan. Faktor pelindung ini merangkumi elemen dalaman seperti motivasi kendiri dan matlamat hidup, serta elemen luaran seperti sokongan emosi daripada ibu bapa dan bimbingan guru. Hubungan sinergi antara faktor-faktor ini digambarkan secara sistematik dalam kerangka pemikiran kajian seperti di Rajah 3.

Secara khususnya, kerangka ini memperincikan bagaimana transisi daripada fasa keciciran (post-dropout) kepada fasa penyambungan semula pelajaran berlaku melalui proses adaptasi yang positif. Rajah tersebut menunjukkan bahawa sistem sokongan yang stabil dalam mikrosistem bertindak sebagai pemangkin yang mengaktifkan daya ketahanan dalaman pelajar. Apabila pelajar mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dan menerima dorongan moral yang konsisten, mereka

mampu mengatasi halangan sosioekonomi yang dahulunya menjadi punca keciciran (Kumar et al., 2023). Integrasi teori ini bukan sahaja membantu dalam mengenal pasti punca kekuatan pelajar, malah memberikan pemahaman menyeluruh tentang bagaimana ekosistem sosial yang menyokong dapat mengubah trajektori kehidupan individu daripada golongan rentan untuk kembali mencapai kejayaan akademik.

Rajah 3

Kerangka Teoretikal Kajian



METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk meneroka pengalaman pelajar India golongan B40 yang pernah tercicir dan kemudiannya kembali menyambung pendidikan. Pemilihan pendekatan kualitatif adalah bertepatan kerana ia membolehkan penyelidik meneroka makna yang diberikan oleh responden terhadap pengalaman hidup mereka secara mendalam, serta memahami dinamika cabaran dalam konteks sosial dan keluarga yang unik (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Reka bentuk kajian kes ini memberikan ruang kepada penerokaan terperinci terhadap faktor-faktor yang membina daya ketahanan individu dalam mengharungi kemelut keciciran sekolah (Yin, 2018).

Lokasi kajian difokuskan di daerah Shah Alam, sebuah kawasan bandar yang mempamerkan kepelbagaian latar belakang sosioekonomi. Bagi mendapatkan gambaran konteks yang menyeluruh, responden dipilih dari enam kawasan strategik iaitu Taman Sri Muda, Seksyen 27, Kampung Baru Hicom, Batu Tiga, Glenmarie, dan Kota Kemuning. Peserta kajian terdiri daripada enam orang pelajar India berumur 16 hingga 22 tahun yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria utama pemilihan adalah pelajar daripada golongan berpendapatan rendah (B40) yang mempunyai rekod pernah tercicir daripada sistem pendidikan arus perdana sebelum memutuskan untuk menyambung semula pelajaran (Patton, 2015). Untuk kajian ini, bukti status B40 disahkan melalui semakan dokumen slip pendapatan rasmi ibu bapa atau surat perakuan pendapatan daripada ketua komuniti setempat (pendapatan bawah RM4,850). Tempoh keciciran responden adalah antara 6 bulan hingga 2 tahun sebelum kembali ke institusi pendidikan semasa (seperti pusat pengajian swasta/vokasional). Profil ringkas peserta dibentangkan dalam Jadual 1:

Jadual 1
Profil Ringkas Responden Kajian

RESPONDEN	UMUR	KAWASAN	TEMPOH KECICIRAN
R1	16	TAMAN SRI MUDA	8
R2	18	SEKSYEN 27	12
R3	19	KG BARU HICOM	6
R4	21	BATU TIGA	18
R5	22	GLENMARIE	24
R6	17	KOTA KEMUNING	10

Memandangkan kajian ini melibatkan peserta berumur bawah dan atas 18 tahun, aspek etika dipatuhi dengan ketat. Borang persetujuan termaklum (informed consent) diperoleh secara bertulis daripada peserta dewasa (R3, R4, R5), manakala kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga (parental consent) diperoleh bagi peserta bawah umur (R1, R2, R6). Kerahsiaan data dipelihara menerusi penggunaan kod nama (R1-R6), dan risiko emosi diurus melalui kesediaan penyelidik menangguhkan sesi sekiranya responden menunjukkan tanda-tangan tekanan emosi semasa imbauan sejarah keciciran.

Data primer dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini dipilih kerana sifatnya yang fleksibel, membolehkan responden berkongsi pengalaman mereka secara terbuka sambil memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka isu-isu kritikal yang muncul semasa sesi berlangsung (Adams, 2015).

Prosedur temu bual dijalankan secara bersemuka dengan tempoh setiap sesi antara 45 hingga 60 minit, bertempat di rumah responden atau di restorant berhampiran dengan rumah bagi memastikan keselesaan. Bahasa yang digunakan adalah Bahasa Tamil bagi memudahkan ekspresi. Sesi dirakam menggunakan peranti audio digital dengan keizinan peserta sebelum ditranskripsi secara verbatim berpandukan protokol soalan yang standard. Selain enam responden utama, seramai enam orang individu sokongan (ibu bapa/ahli keluarga terdekat) turut ditemu bual bagi tujuan pengesahan maklumat.

Selain responden utama, kajian ini turut melibatkan ahli keluarga dan rakan sebagai sumber sokongan tambahan bagi memperkaya data. Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan (*trustworthiness*) dapatan, teknik triangulasi diaplikasikan melalui gabungan temu bual, pemerhatian, serta analisis dokumen berkaitan bagi memastikan kredibiliti dan kebergantungan data (Lincoln & Guba, 1985).

Semua data yang dikumpul tertakluk kepada proses analisis tematik. Proses ini dijalankan secara sistematik untuk mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan tema-tema utama yang mempengaruhi daya ketahanan serta faktor yang mendorong keputusan pelajar untuk kembali ke sekolah (Braun & Clarke, 2006). Analisis mengikut langkah sistematik bermula dengan pembacaan transkrip secara berulang, penjanaan kod awal (coding process), penggabungan kod kepada sub-tema, pembinaan tema utama, dan semakan semula tema (theme reviewing).

Kesahan analisis ditingkatkan menerusi penggunaan dua orang pengekod (inter-rater reliability), penyediaan jejak audit (audit trail) yang mendokumentasikan setiap fasa analisis, serta semakan ahli (member checking) di mana transkrip diserahkan semula kepada responden untuk pengesahan. Ketepuan data (data saturation) dicapai pada responden kelima apabila tiada kod atau maklumat baharu yang muncul semasa temu bual seterusnya. Melalui gabungan kaedah yang terperinci ini, kajian berupaya menghasilkan pemahaman yang holistik terhadap fenomena keciciran dan pemulihan pendidikan dalam kalangan komuniti sasaran.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama responden menunjukkan bahawa terdapat beberapa tema utama yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk

kembali menyambung pendidikan selepas mengalami keciciran. Melalui analisis tematik, empat tema utama telah dikenal pasti iaitu keinginan untuk mengubah diri, sokongan keluarga, motivasi diri, dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Keempat-empat tema ini saling berkait antara satu sama lain dan berperanan penting dalam membentuk daya ketahanan pelajar untuk bangkit semula dalam sistem pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun responden menghadapi pelbagai cabaran seperti kemiskinan, masalah keluarga, tekanan emosi, dan pengalaman negatif di sekolah, faktor-faktor tersebut akhirnya menjadi pemangkin kepada usaha mereka untuk memperbaiki kehidupan melalui pendidikan. Bagi memberikan ketelusan bukti analitik, Matriks Tema-Subtema dan Silang Peserta ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2


Matriks Tema, Sub-Tema dan Kekerapan Bukti Silang Peserta

Tema Utama	Sub-Tema	R(A)	R(B)	R(C)	R(D)	R(E)	R(F)
Keinginan Mengubah Diri	Kesedaran reflektif kemiskinan	**X**			**X**	**X**	
Sokongan Keluarga	Dorongan moral/emosi	**X**	**X**	**X**		**X**	**X**
	Bantuan praktikal/kewangan			**X**		**X**	**X**
Motivasi Diri	Matlamat & cita-cita masa depan		**X**				
Kesedaran Pendidikan	Nilai kelayakan akademik	**X**					**X**

Dakwaan bahawa sokongan keluarga merupakan faktor paling dominan adalah dibuktikan secara analitik menerusi kekerapan kod tertinggi (24 kod bagi sub-tema dorongan emosi) serta kedalaman naratif lisan daripada kesemua enam responden (R1-R6) yang menyatakan bahawa tanpa penyerahan sokongan daripada ahli keluarga, fasa transisi kembali belajar tidak mungkin berlaku.

Rajah 4

Faktor yang mempengaruhi pelajar membuat keputusan untuk kembali belajar



Keinginan untuk Mengubah Diri

Tema pertama yang dikenal pasti ialah keinginan untuk mengubah diri. Keinginan ini muncul hasil daripada pengalaman hidup yang mencabar dan kesedaran mendalam dalam kalangan responden bahawa keadaan kehidupan mereka perlu diperbaiki. Kebanyakan responden menyatakan bahawa pengalaman kesusahan hidup, tekanan ekonomi keluarga, serta kegagalan akademik sebelum ini telah mendorong mereka untuk mencari peluang kedua melalui pendidikan. Keinginan untuk berubah ini menjadi faktor dalaman yang kuat yang mendorong mereka untuk bangkit semula dan berusaha membina masa depan yang lebih baik (Kuang et al., 2023). Seperti yang dijelaskan oleh Responden A, D dan E, kesedaran untuk mengubah nasib diri dan keluarga menjadi pemangkin utama kepulangan mereka ke alam persekolahan.

Responden A menyatakan kesedaran beliau terhadap bebanan yang dipikul keluarga:

> ***"Saya penat tengok mak ayah kerja kuat tapi duit tetap tak cukup. Saya tak nak hidup macam ni sampai bila-bila. Saya kena buat sesuatu untuk ubah nasib kami, dan saya tahu hanya sekolah saja jalan yang ada."***

Responden D menekankan aspek pembuktian keupayaan diri pasca kegagalan:

> ***"Pengalaman gagal dulu banyak mengajar saya. Saya nekad kali ini mahu buktikan saya boleh jadi orang yang lebih baik dan berguna kepada masyarakat."***

Penyelidik mendapati bahawa semasa sesi temu bual dijalankan, responden menunjukkan tekad yang tinggi melalui nada suara yang tegas dan kontak mata yang meyakinkan apabila berbicara tentang azam mereka. Wujud satu bentuk aspirasi yang jelas untuk meningkatkan status sosial melalui transformasi sikap yang positif, di mana mereka tidak lagi melihat kegagalan sebagai noktah, sebaliknya menjadikannya batu loncatan untuk membina semula matlamat hidup yang lebih realistik.

Dalam konteks kajian ini, keinginan untuk mengubah diri bukan sekadar keinginan biasa, tetapi merupakan satu bentuk kesedaran reflektif yang terbentuk daripada pengalaman hidup yang sukar. Responden menyedari bahawa tanpa pendidikan yang mencukupi, peluang untuk meningkatkan taraf hidup adalah amat terhad. Oleh itu, mereka melihat pendidikan sebagai satu jalan keluar daripada kitaran kemiskinan dan kesukaran hidup yang dialami oleh keluarga mereka. Dalam banyak kes, responden menunjukkan aspirasi yang jelas untuk memperbaiki kehidupan mereka serta membantu keluarga keluar daripada masalah kewangan.

Selain itu, pengalaman lampau yang penuh dengan cabaran seperti konflik keluarga, kemiskinan, dan tekanan sosial turut menjadi pencetus kepada perubahan sikap dalam diri responden. Mereka mula melihat pendidikan sebagai alat transformasi diri yang mampu membuka peluang pekerjaan yang lebih baik serta meningkatkan status sosial mereka dalam masyarakat. Oleh itu, keinginan untuk mengubah diri bukan sahaja berkaitan dengan pembangunan diri secara individu, tetapi juga berkait rapat dengan keinginan untuk memperbaiki kehidupan keluarga dan generasi akan datang.

Tambahan pula, menurut Kardaş et al. (2022) keinginan untuk berubah ini juga menunjukkan wujudnya tahap daya tahan yang tinggi dalam kalangan responden. Walaupun pernah tercicir daripada sistem pendidikan formal, mereka tidak menyerah sepenuhnya kepada keadaan tersebut. Sebaliknya, mereka menjadikan pengalaman kegagalan sebagai pengajaran penting untuk membina semula matlamat hidup mereka. Dengan adanya keinginan yang kuat untuk memperbaiki diri, responden menunjukkan kesediaan untuk menghadapi cabaran baharu dalam usaha menyambung semula pendidikan.

Responden E berkongsi tentang aspirasi untuk tidak lagi dipandang rendah oleh persekitaran sosial:

"Saya tidak mahu dipandang rendah lagi. Saya mahu buktikan pada diri sendiri dan orang sekeliling yang saya juga mampu berjaya dalam pelajaran walaupun pernah berhenti."

Penyelidik mendapati bahawa semasa sesi temu bual dijalankan, responden menunjukkan tekad yang tinggi melalui nada suara yang tegas dan kontak mata yang meyakinkan apabila berbicara tentang azam mereka. Kesediaan mereka untuk kembali ke persekitaran sekolah yang mencabar membuktikan bahawa keinginan untuk mengubah nasib mengatasi rasa malu atau rendah diri akibat keciciran yang pernah dialami sebelum ini.

Sokongan Keluarga

Tema kedua yang muncul daripada analisis data ialah sokongan keluarga. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keluarga memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi keputusan pelajar untuk kembali menyambung pendidikan. Walaupun dalam sesetengah kes masalah keluarga menjadi antara faktor yang menyebabkan responden tercicir daripada sekolah pada peringkat awal, namun sokongan keluarga akhirnya menjadi faktor utama yang mendorong mereka untuk kembali belajar.

Sokongan keluarga dalam kajian ini hadir dalam pelbagai bentuk seperti sokongan emosi, dorongan moral, nasihat, serta bantuan praktikal. Ahli keluarga seperti ibu bapa, adik-beradik, nenek atau pasangan hidup sering memberikan kata-kata semangat kepada responden agar tidak mengulangi kesilapan yang sama dan berusaha untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik (Jeong, 2023). Sokongan ini membantu responden membina semula keyakinan diri yang mungkin telah terjejas akibat pengalaman negatif di sekolah seperti buli atau kegagalan akademik. Seperti yang dijelaskan oleh responden A,B,C, E dan F, sistem sokongan daripada ahli keluarga terdekat menjadi tunjang kekuatan utama mereka untuk bangkit semula.

Responden A dan C menzahirkan bentuk dorongan emosi yang diterima daripada ibu mereka:

"Emak selalu cakap kat saya, 'tak apa kita susah sekarang, janji kamu ada ilmu di dada'. Setiap kali saya rasa nak putus asa, emaklah yang akan tarik saya balik dan ingatkan saya kenapa saya perlu sekolah."

"Masa saya duduk saja kat rumah lepas berhenti sekolah, mak tak pernah berhenti pujuk slow-slow. Dia kata, 'Mak tak boleh wariskan harta kat kamu, mak cuma ada doa dan nak tengok kamu habiskan sekolah saja.' Pengorbanan emosi mak yang sanggup bersabar dengan perangai saya masa tu yang buat pintu hati saya terbuka balik."

Responden E menekankan aspek ketekalan dan sokongan tanpa syarat walaupun dalam keadaan serba kekurangan:

"Mula-mula saya rasa malu nak masuk sekolah balik sebab dah lama tinggal. Tapi mak saya selalu cakap, 'tak apa lambat, janji ada sijil'. Dia tak pernah putus asa suruh saya cuba lagi sampai saya rasa yakin balik."

Penyelidik mendapati bahawa wujud interaksi yang sangat harmoni dan penuh kasih sayang di rumah responden. Ibu bapa dan ahli keluarga dilihat tidak hanya memberi kata semangat, malah menyediakan ruang yang tenang untuk responden mengulang kaji pelajaran, yang secara tidak langsung memulihkan rasa selamat dan kepercayaan diri mereka.

Dalam beberapa kes, ahli keluarga turut berkongsi pengalaman hidup mereka sendiri yang sukar akibat tidak mempunyai pendidikan yang mencukupi. Pengalaman tersebut dijadikan sebagai pengajaran agar responden tidak mengulangi kesilapan yang sama dan berusaha untuk membina masa depan yang lebih baik melalui pendidikan. Hal ini diceritakan oleh Responden B dan F yang mendapat inspirasi daripada pengorbanan abang dan kakaknya:

> ***"Abang saya banyak tolong. Dia kata dia tak nak saya jadi macam dia yang terpaksa kerja berat sebab tak habis sekolah. Dia sanggup belikan buku dan baju sekolah baru untuk saya mula balik."***
>
> ***"Kakak saya yang banyak berkorban. Dia sanggup tangguhkan niat dia nak beli motor semata-mata nak guna duit simpanan dia untuk bayar yuran tunggakan dan tambang bas sekolah saya. Dia cakap dekat saya, 'Janji kau belajar betul-betul sampai dapat sijil, itu dah cukup bagi kakak.' Pengorbanan dia buat saya rasa bersalah kalau saya tak rebut peluang kedua ni."***

Penyelidik mendapati bahawa semasa kunjungan ke kediaman responden, penglibatan aktif ahli keluarga dalam bimbingan moral di rumah terbukti menjadi faktor pelindung yang kritikal. Responden kelihatan lebih tenang dan bermotivasi apabila menyedari bahawa setiap usaha mereka disokong sepenuhnya oleh keluarga yang memahami aspirasi masa depan mereka.

Selain itu, sokongan keluarga juga memainkan peranan penting dalam membantu responden menghadapi tekanan sosial dan emosi. Bagi sesetengah responden yang pernah mengalami buli di sekolah atau mengalami masalah kesihatan mental, penerimaan dan sokongan daripada keluarga memberikan rasa selamat dan keyakinan untuk mencuba semula. Sokongan ini membolehkan mereka membina semula keyakinan diri dan berani untuk menghadapi cabaran baharu dalam proses menyambung pendidikan (Loganathan et al., 2021). Pernyataan pemerhatian lapangan seperti nada suara yang sebak, kontak mata yang penuh harapan semasa sesi temu bual dijalankan di suasana rumah responden memperkukuhkan lagi kesahihan bahawa sokongan keluarga bertindak sebagai agen pemulihan emosi yang mendalam.

Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keluarga merupakan agen sokongan sosial yang paling dominan dalam membantu pelajar yang tercicir untuk kembali menyambung pendidikan. Walaupun faktor keluarga kadangkala menjadi punca kepada keciciran, namun apabila keluarga memberikan sokongan yang positif, ia mampu menjadi faktor pemangkin yang kuat dalam membentuk daya ketahanan pelajar.

Motivasi Diri

Tema ketiga yang dikenal pasti ialah motivasi diri. Motivasi diri merujuk kepada dorongan dalaman yang mendorong seseorang individu untuk berusaha mencapai sesuatu matlamat walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Dalam kajian ini, motivasi diri memainkan peranan penting dalam membentuk daya ketahanan pelajar untuk kembali menyambung pendidikan selepas mengalami keciciran.

Responden dalam kajian ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan pendidikan dalam menentukan masa depan mereka. Motivasi diri mereka sering dipengaruhi oleh keinginan untuk memperbaiki keadaan hidup, mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, serta mencapai cita-cita peribadi. Dalam banyak kes, motivasi ini berpunca daripada pengalaman hidup yang sukar yang membuatkan mereka sedar bahawa pendidikan merupakan satu-satunya jalan untuk mengubah nasib mereka. Sebagai contoh, terdapat responden yang bercita-cita untuk membuka perniagaan sendiri pada masa hadapan. Hal ini dijelaskan oleh Responden B yang menyedari bahawa ilmu pengetahuan adalah asas penting dalam bidang keusahawanan:

"Saya ada impian nak buka perniagaan sendiri satu hari nanti. Saya tahu kalau saya tak ada ilmu asas, saya akan mudah ditipu orang. Jadi saya kuatkan semangat untuk belajar balik demi masa depan saya."

Mereka menyedari bahawa untuk mencapai impian tersebut, mereka memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang hanya boleh diperoleh melalui pendidikan atau latihan formal. Kesedaran ini mendorong mereka untuk kembali belajar walaupun pernah mengalami kegagalan sebelum ini.

Selain itu, pengalaman kegagalan sebelum ini juga menjadi sumber motivasi bagi responden untuk berusaha dengan lebih gigih. Mereka melihat kegagalan bukan sebagai penghalang, tetapi sebagai pengajaran yang membantu mereka memahami kepentingan pendidikan dalam kehidupan. Dengan adanya motivasi diri yang kuat, responden lebih bersedia untuk menghadapi cabaran pembelajaran dan berusaha untuk mencapai kejayaan akademik (Makuyana, 2022).

Motivasi diri juga membantu responden membina ketahanan emosi dalam menghadapi tekanan kehidupan. Pelajar yang mempunyai motivasi dalaman yang tinggi lebih cenderung untuk mengekalkan usaha mereka walaupun berhadapan dengan kesukaran seperti masalah kewangan, tanggungjawab keluarga, atau tekanan sosial. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi diri merupakan faktor penting yang membantu pelajar terus komited terhadap pendidikan mereka.

Kesedaran Pendidikan

Tema terakhir yang dikenal pasti ialah kesedaran tentang kepentingan pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mula menyedari nilai sebenar pendidikan selepas mengalami kesukaran hidup akibat keciciran sekolah. Pengalaman bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah atau menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan telah membuka mata mereka tentang pentingnya pendidikan dalam mencapai kestabilan hidup.

Kesedaran ini sering muncul apabila responden menyedari bahawa kekurangan kelayakan akademik menghadkan peluang mereka dalam pasaran pekerjaan. Mereka memahami bahawa tanpa pendidikan yang mencukupi, mereka sukar untuk memperoleh pekerjaan yang stabil dan berpendapatan tinggi. Oleh itu, pendidikan dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang yang mampu meningkatkan kualiti hidup mereka serta membantu keluarga keluar daripada masalah kemiskinan (Ab Rashid et al., 2023). Seperti yang dijelaskan oleh Responden A dan F, kesedaran ini tercetus daripada realiti kepahitan hidup yang dialami sepanjang tempoh keciciran. Responden F menceritakan pengalaman beliau bekerja di sektor perkilangan:

"Masa saya kerja kat kilang dulu, saya tengok orang yang ada sijil gaji mereka jauh lebih tinggi dan kerja pun lebih selesa. Saya yang tak ada apa-apa ni kena buat kerja paling berat tapi gaji tetap sikit. Dekat situ saya sedar, ilmu itu kuasa."

Manakala responden A menekankan kepentingan memiliki kelayakan rasmi untuk menjamin masa depan yang lebih terjamin:

"Tanpa SPM, susah nak dapat kerja tetap. Saya tak nak selamanya jadi pekerja kontrak yang tak ada masa depan."

Penyelidik mendapati bahawa anjakan paradigma yang signifikan dalam cara responden memandang sekolah dan ilmu pengetahuan. Semasa sesi temu bual dijalankan, responden menunjukkan kematangan yang lebih tinggi berbanding usia mereka, di mana mereka kini bertindak lebih proaktif dalam merancang hala tuju kerjaya dan menunjukkan kesungguhan yang luar biasa untuk menamatkan persekolahan. Pendidikan tidak lagi dianggap sebagai rutin wajib yang membosankan, sebaliknya sebagai "kunci" kritikal yang mampu memberikan mereka pilihan hidup yang lebih baik serta maruah yang lebih tinggi dalam komuniti. Mereka dapat mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya

membantu meningkatkan taraf hidup keluarga. Kesedaran ini menjadi pendorong kuat untuk mereka kembali menyambung pendidikan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Selain itu, kesedaran tentang kepentingan pendidikan juga berkait rapat dengan aspirasi masa depan responden. Mereka melihat pendidikan sebagai satu cara untuk mencapai impian seperti membuka perniagaan sendiri, mendapatkan pekerjaan profesional, atau membantu membangunkan ekonomi keluarga. Dalam konteks ini, pendidikan bukan sahaja dilihat sebagai keperluan akademik, tetapi juga sebagai alat transformasi sosial yang mampu mengubah kehidupan mereka secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, keempat-empat tema yang dikenal pasti dalam kajian ini menunjukkan bahawa keputusan pelajar untuk kembali menyambung pendidikan dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman dan luaran. Keinginan untuk mengubah diri, sokongan keluarga, motivasi diri, dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan saling melengkapi dalam membentuk daya ketahanan pelajar. Walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial dan ekonomi, faktor-faktor ini menjadi pemangkin yang membantu mereka bangkit semula dan berusaha membina masa depan yang lebih baik melalui pendidikan.

PERBINCANGAN

Fenomena keciciran dalam sistem pendidikan merupakan satu isu yang kompleks dan dinamik, namun penulisan ini memberi tumpuan kepada naratif pemulihan melalui lensa daya ketahanan (*resilience*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa daya ketahanan memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu pelajar bangkit semula selepas mengalami kegagalan atau tercicir dari sistem persekolahan formal. Keupayaan responden untuk menyesuaikan diri dengan pelbagai cabaran hidup serta keberanian mencari peluang kedua melalui pendidikan mencerminkan tahap ketahanan yang tinggi. Secara teorinya, daya ketahanan bukanlah satu sifat statik yang dimiliki oleh individu, sebaliknya merupakan satu proses dinamik yang melibatkan interaksi antara faktor dalaman individu dan persekitaran mereka (Masten, 2018). Tahap adaptasi yang tinggi dalam kalangan responden membuktikan bahawa trauma keciciran boleh diatasi sekiranya individu mempunyai motivasi untuk mengubah haluan hidup mereka.

Selaras dengan dapatan tersebut, pengaruh faktor sosial, terutamanya sokongan keluarga, didapati mempunyai impak yang signifikan terhadap keputusan pelajar untuk kembali menyambung pendidikan. Hal ini menarik untuk diperhatikan kerana dalam banyak kes, faktor keluarga sendiri sering kali menjadi punca utama berlakunya keciciran pada peringkat awal sama ada disebabkan oleh kekangan ekonomi, konflik domestik, atau kurangnya kesedaran terhadap kepentingan ilmu. Namun, kajian ini mendedahkan satu anjakan paradigma di mana hubungan keluarga boleh bertransformasi daripada faktor risiko kepada faktor pelindung (*protective factor).* Menurut Ungar (2012), persekitaran sosial yang menyokong adalah kunci utama kepada pembentukan daya tahan; apabila keluarga mula menyedari kepentingan pendidikan, mereka bertindak sebagai sistem sokongan moral yang membantu pelajar mencapai kejayaan akademik. Kesedaran ini mengubah dinamika rumah tangga daripada tempat yang penuh tekanan kepada pusat pemulihan semangat bagi pelajar. Menerusi lensa Teori Sistem Ekologi Bronfenbrenner, sokongan keluarga yang beroperasi secara utuh pada peringkat mikrosistem ini memberikan pemulihan kestabilan emosi yang merangsang ejensi pilihan dalaman pelajar.

Apabila dianalisis secara mendalam menggunakan Teori Pilihan Rasional, keputusan responden untuk kembali belajar pasca keciciran mencerminkan pertimbangan analitikal terhadap kos-manfaat pendidikan. Pada peringkat awal keciciran, kos psikososial serta tekanan ekonomi jangka pendek melebihi manfaat sekolah. Walau bagaimanapun, Lawrence and Adebowale (2022) mendapati bahawa pengalaman pasca keciciran (seperti bekerja dengan upah minimum rendah) mengubah persepsi mereka, di mana manfaat jangka panjang kelayakan akademik mula dilihat mengatasi kos kos-kewangan dan tekanan belajar semasa. Di samping itu, pengukuhan institusi sekolah dan komuniti setempat membentuk mesosistem dan eksosistem yang menyokong kelestarian pilihan rasional pelajar

tersebut. Perbandingan dengan kajian tempatan tentang pelajar India B40 perlu diperkukuh bagi membuktikan keunikan dapatan ini (Rahman, 2024).

Transformasi peranan keluarga ini membawa implikasi yang mendalam terhadap dasar intervensi pendidikan. Usaha untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar tidak seharusnya bersifat terpencil di dalam bilik darjah sahaja, malah perlu melibatkan sinergi antara keluarga, sekolah, dan komuniti. Bagi keluarga berpendapatan rendah, program sokongan pendidikan yang melibatkan ibu bapa secara langsung adalah kritikal. Literasi mengenai nilai jangka panjang pendidikan perlu diperkasakan agar ibu bapa dapat menyediakan persekitaran yang kondusif di rumah. Oleh itu, pendekatan "seluruh komuniti" (*whole-community approach*) merupakan strategi paling berkesan untuk memastikan pelajar yang berisiko tidak tercicir buat kali kedua. Bentuk program intervensi yang dicadangkan mestilah bersifat lebih operasional, merangkumi: (i) Program Sokongan Keluarga berbentuk bengkel literasi kewangan dan keibubapaan responsif, (ii) Intervensi Sekolah menerusi Sistem Amaran Awal (*Early Warning System*) berasaskan kehadiran, (iii) Kaunseling Pemulihan berstruktur fokus kepada resiliensi emosi, dan (iv) Sokongan Kewangan bersasaran berupa bantuan kos pengangkutan komuniti.

Selain daripada sokongan di peringkat mikro (keluarga), institusi pendidikan juga memikul tanggungjawab besar untuk menyediakan jaringan keselamatan psikososial. Program bimbingan dan kaunseling tidak seharusnya tertumpu kepada isu disiplin semata-mata, tetapi perlu menjurus kepada pembangunan kemahiran daya tahan dan sokongan emosi. Program bimbingan yang komprehensif serta latihan pembangunan kemahiran insaniah membolehkan pelajar menguruskan tekanan dan kegagalan dengan lebih bijaksana. Hal ini disokong oleh konsep "Sistem Sokongan Psikososial" yang menekankan bahawa pelajar memerlukan persekitaran yang selamat dan empati untuk berkembang (Reivich & Shatté, 2002). Dengan adanya modul pembangunan daya tahan dalam kurikulum sekolah, pelajar akan lebih bersedia menghadapi cabaran akademik dan sosial yang sering menjadi penghalang kepada kelestarian pendidikan mereka.

Fenomena pasca keciciran ini menggambarkan bahawa setiap pelajar mempunyai potensi untuk pulih sekiranya ekosistem sokongan mereka diperkukuhkan. Namun, bagi memastikan generalisasi dapatan ini lebih luas, kajian pada masa akan datang perlu dilaksanakan dengan melibatkan sampel yang lebih besar serta merangkumi pelbagai latar belakang etnik. Kepelbagaian latar belakang ini penting untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang bagaimana nilai budaya dan struktur sosial etnik yang berbeza mempengaruhi daya tahan dan keputusan untuk kembali belajar (Ramsdal & Wynn, 2022). Penyelidikan yang lebih inklusif akan membolehkan penggubal dasar merangka strategi intervensi yang lebih peka budaya dan tepat sasaran, seterusnya memastikan tiada pelajar yang tertinggal dalam arus pembangunan modal insan negara.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa daya ketahanan (*resilience*) bukan sekadar sifat peribadi, malahan merupakan dinamika kompleks yang membolehkan pelajar yang pernah tercicir untuk mengemudi semula haluan pendidikan mereka. Bagi pelajar India daripada golongan B40, pengalaman hidup yang mencabar dan rintangan sosioekonomi tidak bertindak sebagai titik noktah, sebaliknya, naratif kesukaran tersebut sering kali ditransformasikan menjadi punca motivasi intrinsik yang ampuh untuk mengubah mobiliti sosial keluarga melalui graduan pendidikan. Paraman & Hussain, 2022)

Aspek krusial yang menyokong kebangkitan ini adalah ekosistem sokongan yang menyeluruh. Walaupun struktur keluarga pada awalnya mungkin menjadi punca tekanan yang membawa kepada keciciran, transformasi sokongan daripada pihak yang sama baik dari segi emosi mahupun dorongan moral mampu menjadi pemangkin utama kepada perubahan trajektori hidup pelajar. Ini adalah selari dengan pandangan Mastropieri dan Scruggs (2017) yang menekankan bahawa kejayaan dalam mengintegrasikan semula pelajar ke dalam sistem pendidikan bergantung sepenuhnya kepada keupayaan sekolah dan keluarga dalam menyediakan persekitaran yang responsif terhadap keperluan unik individu serta menghapuskan halangan pembelajaran secara kolaboratif.

Oleh itu, usaha menangani isu keciciran sekolah tidak boleh dilakukan secara silo. Ia memerlukan pendekatan holistik yang menyatukan faktor kekuatan individu, kestabilan sokongan keluarga, dan keberkesanan strategi pedagogi di sekolah. Apabila elemen-elemen ini bersinergi, pelajar yang pernah tercicir bukan sahaja mampu bangkit semula, malah berpotensi mencapai kecemerlangan yang setanding dengan rakan sebaya mereka, sekali gus membuktikan bahawa keciciran hanyalah satu fasa sementara yang boleh diatasi dengan intervensi yang tepat dan daya tahan yang tinggi.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih atas segala sumbangan idea, sokongan moral, dan bantuan teknikal yang telah diberikan sepanjang proses penulisan artikel ini dijalankan.

Kenyataan konflik kepentingan

Tiada potensi konflik kepentingan dilaporkan oleh penulis.

RUJUKAN

Abdullah Tang, N. A., & Ahmad, A. (2020). The Janus face of citizenship and citizenship education: The legal and sociological endless contestation: A case of Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 47*(3), 357–375. https://journalarticle.ukm.my/17106

Ab Rashid, N., Khazani, M. Z., Saleh, N. E. P. M., Abidin, M. Z., Faimi, M. F. A., & Sabli, N. (2023). Factors of gig job involvement and the effect on B40 and M40 socioeconomic sustainability. *Information Management and Business Review, 15*(3(I)), 265–274. https://doi.org/10.22610/imbr.v15i3(i).3535

Adams, W. C. (2015). Conducting semi-structured interviews. In K. E. Newcomer, H. P. Hatry, & J. S. Wholey (Eds.), *Handbook of practical program evaluation* (4th ed., pp. 492–505). https://doi.org/10.1002/9781119171386.ch19

Arafat, A., Ahmad, N. A., & Shaik Ismail, S. F. B. (2021). Socio-cultural gender norms and economic barriers in the context of rural high school girls' dropout in Bangladesh: A qualitative study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6*(8), 436–447. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.962

Azila-Gbettor, E. M., Agbenyo, L., Fiati, H. M., & Mensah, C. (2023). Student adjustment during COVID-19 pandemic: Exploring the moderating role of university support. *Heliyon, 9*(3), e13625. https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2023.e13625

Bayley, S., Meshesha, D., Rose, P., Woldehanna, T., Yorke, L., & Ramchandani, P. (2023). Ruptured school trajectories: Understanding the impact of COVID-19 on school dropout, socio-emotional and academic learning using a longitudinal design. *Longitudinal and Life Course Studies, 14*(2), 203–239. https://doi.org/10.1332/175795921X16665759070534

Becker, G. S. (1993). *Human capital: A theoretical and empirical analysis, with special reference to education* (3rd ed.). The University of Chicago Press

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77–101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

Burger, J. (2024). Student engagement—pre and post-COVID-19 pandemic. *Canadian Journal of School Psychology, 39*(1), 53–71. https://doi.org/10.1177/08295735241228392

Călugăr, A. (2023). Psychological aspects of school interventions in oral and written language disorders. *Revista Română de Terapia Tulburărilor de Limbaj Şi Comunicare, IX*(2), 33–41. https://doi.org/10.26744/rrttlc.2023.9.6.05

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications. https://doi.org/10.1086/317417

Ernawati, H., Mas'udah, A., Setiawan, F., & Isro'in, L. (2023). Health, psychology, economic resilience and wellbeing: Long-term effects on family welfare of early marriage. *F1000Research, 12*, 366. https://doi.org/10.12688/f1000research.128719.1

Filho, W., Balasubramanian, M., Zuñiga, R., & Sierra, J. (2023). The effects of climate change on children's education attainment. *Sustainability, 15*(7), 6320. https://doi.org/10.3390/su15076320

Ghandi, M. S. D., & R. Sivaperagasam, P. R. (2019). Implikasi status sosioekonomi keluarga dan persekitaran terhadap keciciran murid India: Kajian kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4*(33), 284–297. https://doi.org/10.35631/IJEPC.5350015

Gómez, A. (2023). Associations between family resilience, child flourishing, and school engagement among children in kinship care. *Families in Society: The Journal of Contemporary Social Services, 105*(1), 6–18. https://doi.org/10.1177/10443894231200660

Hackney, A. (2023). Integrating trauma-informed practices into check-in/check-out for use in alternative education settings. *Intervention in School and Clinic, 59*(4), 227–235. https://doi.org/10.1177/10534512231183968

Hashim, R. A., Lim, H. E., Jafar, M. F., Suppiah Shanmugam, S. K., & Bukhari, N. (2024). Statistical identification of predictors of dropout in secondary education: Evidence from Malaysia. *Journal of the Asia Pacific Economy*, 1–27. https://doi.org/10.1080/13547860.2024.2306673

Jeong, I. (2023). The effect of the community disorder on the depression of a school dropout adolescent: Focused on the mediating effect of the peer attachment and the self-resilience. *Journal of the Korea Entertainment Industry Association, 17*(7), 407–416. https://doi.org/10.21184/jkeia.2023.10.17.7.407

Kardaş, M., Bademci, H., Bağdatlı, N., & Arslan, M. (2022). Resilience program with university-community cooperation for the prevention of school dropout: The case of SOYAC. *Journal of Qualitative Research in Education, 22*(32). https://doi.org/10.14689/enad.32.895

Kim, S. (2023). The effect of self-resilience and self-esteem on career maturity of school dropout adolescents. *Youth Facility and Environment Journal of the Korea Institute of Youth Facility and Environment, 21*(1), 65–76. https://doi.org/10.55063/kiyfe.2023.21.1.7

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2022*. Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU).

Kuang, X., Lee, J., & Chen, J. (2023). Chinese virtues and resilience among students in Hong Kong. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 20*(4), 3769. https://doi.org/10.3390/ijerph20043769

Kumar, P., Patel, S., Debbarma, S., & Saggurti, N. (2023). Determinants of school dropouts among adolescents: Evidence from a longitudinal study in India. *PLOS ONE, 18*(3), e0282468. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0282468

Labrague, L. (2023). COVID-19 phobia, loneliness, and dropout intention among nursing students: The mediating role of social support and coping. *Current Psychology, 43*(18), 16881–16889. https://doi.org/10.1007/s12144-023-04636-8

Lawrence, K., & Adebowale, T. (2022). Adolescence dropout risk predictors: Family structure, mental health, and self-esteem. *Journal of Community Psychology, 51*(1), 120–136. https://doi.org/10.1002/jcop.22884

Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.

Loganathan, T., Chan, Z., Hassan, F., Kunpeuk, W., Suphanchaimat, R., Yi, H., ... Majid, H. A. (2021). Education for non-citizen children in Malaysia during the COVID-19 pandemic: A qualitative study. *PLOS ONE, 16*(12), e0259546. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0259546

Makuyana, T. (2022). Towards interventions on school dropouts for disabled learners amidst and post-COVID-19 pandemic. *African Journal of Disability, 11*, Article 1009. https://doi.org/10.4102/ajod.v11i0.1009

Masten, A. S. (2018). Resilience theory and research on children and families: Past, present, and promise. *Journal of Family Theory & Review, 10*(1), 12–31. https://doi.org/10.1111/jftr.12255

Mastropieri, M. A., & Scruggs, T. E. (2017). *The inclusive classroom: Strategies for effective differentiated instruction* (6th ed.). Pearson.

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass

Molla, S. (2024). Rural household perception of drought occurrence and its influence on livelihood strategy in Northeast Ethiopia. *Advances in Agriculture,* 2024, Article 8860956. https://doi.org/10.1155/2024/8860956

Paraman, M., & Hussain, R. (2022). Peer's pressure effects: Secondary school students' dropout behaviour and young offenders. e-*Bangi Journal of Social Sciences and Humanities, 19*(2). https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1902.08

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (ed. ke-4). Sage Publications, Thousand Oaks.

Pedditzi, M. (2023). Self-efficacy in life skills and satisfaction among adolescents in school transitions. *Journal of Public Health Research, 12*(4). https://doi.org/10.1177/22799036231211420

Pejabat Perdana Menteri. (2017). *Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia*. https://www.mitra.gov.my/images/MIB%20Malay.pdf

Phillips-Berenstein, M., Willner, T., & Gati, I. (2024). Psychosocial readiness for college: A multidimensional model and measure for students entering college in their twenties. *Journal of Career Assessment, 32*(4), 623–649. https://doi.org/10.1177/10690727231186770

Ragusa, A., Gonzalez-Bernal, J., Trigueros, R., Caggiano, V., Gómez, N., Minguez-Minguez, L., ... Fernandez-Ortega, C. (2023). Effects of academic self-regulation on procrastination, academic stress and anxiety, resilience and academic performance in a sample of Spanish secondary school students. *Frontiers in Psychology, 14*, Article 1073529. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1073529

Rahman, F. (2024). Empowering youth leaders in B40 marginalized communities: An innovative approach to social entrepreneurship in alignment with National Entrepreneurship Policy 2030. *Mediterranean Journal of Social & Behavioral Research, 8*(1), 29–36. https://doi.org/10.30935/mjosbr/14306

Ramsdal, G., & Wynn, R. (2022). Attachment and school completion: Understanding young people who have dropped out of high school and important factors in their reenrolment. International *Journal of Environmental Research and Public Health, 19*(7), 3938. https://doi.org/10.3390/ijerph19073938

Reivich, K., & Shatté, A. (2002). *The resilience factor: 7 keys to finding your inner strength and overcoming life's hurdles*. Broadway Books.

Sharma, S., & Tiwari, V. (2023). Emotional intelligence and career success: Does resilience matter? *Global Business and Organizational Excellence, 42*(6), 138–153. https://doi.org/10.1002/joe.22196

Subra, T. H., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar-pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 2*(9), 77–91. https://doi.org/10.35631/IJMTSS.29007

Ungar, M. (2012). *The social ecology of resilience: A handbook of theory and practice*. Springer Science & Business Media.

Valenzuela-Moss, J. (2024). Changes in sports participation, specialization, and burnout from 7th to 12th grade: Final results from a 6-year longitudinal study. *Sports Health: A Multidisciplinary Approach, 16*(2), 177–183. https://doi.org/10.1177/19417381231224792

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). Thousand Oaks, Sage.